

## BAB PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan mukjizat yang diturunkan oleh Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w) melalui perantaraan Jibril (a.s). Ia ditulis dan segera dihafaz oleh orang Muslimin di dalam hati mereka. Surah-surahnya telah disusun secara tawqifi dengan arahan daripada Rasulullah (s.a.w) sendiri dan dikumpulkan selepas kewafatan baginda. Semasa pemerintahan Saidina 'Umar (r.a), beliau telah berjaya menyusun beberapa naskhah al-Qur'an dan disebarkan kepada seluruh negeri untuk dijadikan rujukan dan ia kekal sebagaimana yang dilihat sekarang.<sup>1</sup>

Kemantapan iman, ilmu dan amal individu dan masyarakat hanya akan berkekalan apabila anggota masyarakat itu berpegang kepada isi kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah (s.a.w), dengan maksud bahawa mereka dapat memahami dan menghayati seluruh isi kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah (s.a.w). Apa sahaja yang dijelaskan oleh kedua-duanya wajib kita terima dengan hati yang terbuka walaupun perkara tersebut luar biasa. Penghayatan inilah yang akan menjadikan mereka sebagai generasi al-Qur'an, seperti generasi Muslim yang terawal diasuh oleh Rasulullah (s.a.w). Generasi ini mampu mengubah seluruh kehidupan manusia Jahiliah menjadi kehidupan yang bertamadun dan diredhai oleh Allah (s.w.t) namun, hasrat ini tidak mungkin akan tercapai tanpa adanya usaha-usaha untuk merealisikannya supaya menjadi kenyataan.

Kepelbagaian budaya dan cara hidup yang berbeza menjadi penghalang kepada penyampaian mesej kepada golongan sasaran iaitu masyarakat FELDA. Struktur masyarakat yang melabelkan mereka sebagai golongan pertengahan dan miskin juga turut menjadi penyumbang utama ke arah kemelut ini. Bahkan, tahap penerimaan,

---

<sup>1</sup> Ali Abdul Hamid Abu al-Khair, *Al-Qur'an dan Sains Moden* (Johor: Penerbitan Jahabersa, 2004), 48.

pemahaman, mentaliti dan psikologi mereka adalah sangat berbeza mengikut acuan hidup mereka sendiri. Kecelaruhan yang timbul menjadikan pegangan hidup umat Islam kini makin rapuh dan goyah disebabkan peredaran zaman globalisasi yang mengejar kebendaan tanpa menghiraukan pensyariatannya yang telah disebut oleh Allah (s.w.t) dalam al-Qur'an. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli ilmu dalam memastikan golongan ini sentiasa berada di atas landasan agama yang benar dan mengamalkan suruhan Allah (s.w.t) dengan berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap Pengajian al-Qur'an kepada masyarakat FELDA. Tumpuan lokasinya adalah di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Kajian ini cuba melihat secara khusus keadaan sebenar kelas pengajian al-Qur'an kepada golongan yang digelar peneroka. Kajian ini cuba membuktikan sama ada pendekatan kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam kelas al-Qur'an terhadap golongan peneroka ini berkesan atau sebaliknya dan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh ini sama ada mendapat sambutan dan menarik minat golongan peneroka atau sebaliknya. Kajian ini cuba membuktikan sama ada boleh atau tidak golongan peneroka di sini menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas-kelas pengajian al-Qur'an tersebut melalui pengujian kefahaman yang diberikan.

Pemilihan FELDA Bukit Goh di daerah Kuantan sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang difikirkan oleh pengkaji. Faktor-faktor tersebut ialah:

- i) FELDA Bukit Goh merupakan kawasan penempatan peneroka kedua terbesar di daerah Kuantan.

- ii) Mempunyai masjid utama yang mempunyai bilangan jemaah yang ramai di FELDA Bukit Goh.
- iii) Masjid dan surau bergerak aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti pengajian ilmu.
- iv) Terdapat kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan di masjid, surau dan rumah-rumah peneroka.

Peranan masjid dan surau sebagai pusat pengajian al-Qur'an dapat dilihat melalui kelas-kelas al-Qur'an yang diadakan untuk masyarakat setempat. Namun, sejauh mana pelaksanaan dan kaedah pengajaran yang digunakan demi menjadikan golongan peneroka ini betul-betul memahami dan menjiwai ilmu al-Qur'an dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sama ada pelaksanaan kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini dibuat secara bersungguh-sungguh dan teratur mengikut perancangan atau hanya sekadar melepaskan batuk di tangga. Bagaimana pendekatan kaedah pengajian yang digunakan oleh tenaga pengajar? Adakah masyarakat FELDA boleh menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an di masjid, surau mahupun di rumah.

## **TUJUAN KAJIAN**

Maksud tujuan dalam sesuatu kajian adalah untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi.<sup>2</sup> Ia menyatakan hasrat utama pengkaji melakukan kajian dan merupakan aspek terpenting dalam sesuatu kajian. Tujuan perlu dinyatakan dengan jelas dan tepat,

---

<sup>2</sup> William Carr & Kemmis, *Becoming Critical: Education Knowledge and Actin Reserch* (Basington: Falmer Press, 1986), 165.

kerana ia merupakan pusat terpenting dalam sesuatu kajian<sup>3</sup>. Tujuan kajian juga bermaksud menunjukkan arah, hala tuju dan matlamat kajian yang juga boleh dinyatakan sebagai kepentingan kajian bagi memberi panduan kepada penyelidik, seterusnya daripada tujuan kajian ini bolehlah ditentukan objektif kajian, manakala kajian pula akan memberi langkah-langkah kajian.<sup>4</sup>

Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat pendedahan dan gambaran lebih telus tentang kelas pengajian al-Qur'an kepada golongan peneroka di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang mengikut kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar, pelaksanaan kelas al-Qur'an secara menyeluruh dan membuktikan sejauh mana golongan peneroka dapat menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas-kelas tersebut. Tujuan kajian deskriptif adalah untuk memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini bertujuan melihat secara khusus keadaan sebenar pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA. Tumpuan kajian adalah di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di masjid, surau dan di rumah yang terdapat di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Penilaian dilakukan dengan melihat pendekatan kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar, pelaksanaan kelas-kelas pengajian al-Qur'an dan seterusnya mengenal pasti sejauh mana golongan peneroka di sini menguasai al-Qur'an selepas mengikuti kelas al-Qur'an.

---

<sup>3</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2006), 12.

<sup>4</sup> Mohd Majid Konteng, *Kaedah Penyelidikan pendidikan*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 9 dan 18.

Terdapat tiga objektif yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- i) Untuk mengkaji dan menyelidiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di kelas pengajian al-Qur'an.
- ii) Untuk mengkaji dan menyelidiki bentuk pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA.
- iii) Untuk mengenal pasti sejauh mana masyarakat FELDA menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an.

#### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif di atas, terdapat beberapa persoalan yang akan dijawab melalui kajian ini, iaitu;

- i) Bagaimanakah pendekatan kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar kelas pengajian al-Qur'an?
- ii) Bagaimanakah bentuk pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA Bukit Goh?
- iii) Sejauh mana masyarakat FELDA Bukit Goh dapat menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an?

#### **HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis terbina melalui permasalahan yang ditemui dalam kajian literatur. Bagi menentukan agenda penyelidikan di mana penulis dapat menentukan bentuk data dan bagaimana ia boleh diperolehi dan bagaimana pemboleh ubah berkait rapat, maka

penulis telah membentuk beberapa hipotesis. Hipotesis dibentuk dalam rangka Hipotesis utama ( $H_0$ ) dan Hipotesis alternatif ( $H_a$ ). Di antara hipotesis kajian ini ialah:

$H_0$ : Pendekatan kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar kelas pengajian al- Quran susah untuk difahami dan dipelajari.

$H_a$ : Pendekatan kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar kelas pengajian al- Quran mudah untuk difahami dan dipelajari.

$H_0$ : Pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh tidak mendapat sambutan dan menarik minat masyarakat FELDA.

$H_a$ : Pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh mendapat sambutan dan menarik minat masyarakat FELDA.

$H_0$ : Masyarakat FELDA tidak boleh menguasai al-Qur'an selepas mengikuti kelas pengajian al-Qur'an.

$H_a$ : Masyarakat FELDA boleh menguasai al-Qur'an selepas mengikuti kelas pengajian al-Qur'an.

## **SKOP KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah berkisar dalam lingkungan perbincangan tentang kaedah dan keberkesanan pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA. Kajian ini dilakukan di Semenanjung Malaysia dan lokasinya terletak di daerah Kuantan di dalam Negeri Pahang Darul Makmur. Penempatan FELDA yang menjadi tumpuan kajian ialah FELDA Bukit Goh. Kajian ini menggunakan kelompok responden

dari kalangan peneroka FELDA Bukit Goh. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau keadaan kelas pengajian al-Qur'an di masjid, di surau dan juga di rumah.

Kajian ini juga dilakukan bagi meneliti permasalahan semasa berkaitan al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh. Seramai 100 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian yang terdiri daripada masyarakat FELDA yang merujuk kepada sebahagian besar dari golongan peneroka dan sebahagian kecil kakitangan awam dan swasta. Sebanyak lapan buah lokasi kelas pengajian al-Qur'an dipilih oleh penulis sebagai sampel kajian dengan mengikut beberapa kategori iaitu Masjid FELDA, lima buah surau dan dua buah rumah peneroka. Oleh itu segala penemuan yang bakal diperolehi adalah khusus untuk menggambarkan kelas pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh sahaja dan tidak membayangkan kelas al-Qur'an di tempat lain sama ada di dalam atau di luar negeri Pahang.

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN LAPANGAN**

Metodologi bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>5</sup> Perkataan ini berasal dari bahasa Yunani "*methodos*" yang bermakna cara atau jalan dan "*logos*" yang bererti ilmu.<sup>6</sup> Oleh itu metodologi bermaksud ilmu tentang cara atau kaedah penyelidikan. Metodologi adalah jalan dan petunjuk kepada pengkaji dalam memahami sesuatu objek yang menjadi sasaran kajian.<sup>7</sup> Ia mempunyai kaedah-kaedah dan trek-trek yang sistematik. Metode pula adalah perkara terpenting dalam sesuatu kajian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran

---

<sup>5</sup> Imam Barnadib, *Arti dan method sejarah pendidikan* (Yayasan penerbitan FIP-IKIP, 1982), 51.

<sup>6</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 8.

kajian.<sup>8</sup> Ia merupakan suatu prosedur yang mesti diikuti demi mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi dalam penyelidikan yang dijalankan. Sesuatu kajian ilmiah akan dikira bermutu seandainya metodologi yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya.<sup>9</sup>

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif bertujuan untuk memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noh (2002), rekabentuk *deskriptif* selalu dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.<sup>10</sup>

### **Metode pengumpulan data.**

Dalam proses pengumpulan data kajian yang berkaitan, penulis akan menggunakan dua bentuk penyelidikan iaitu:

#### **1. Penyelidikan Perpustakaan.**

Menurut *Koentjaraningrat*, sejumlah besar data yang telah tersedia adalah data verbal<sup>11</sup> seperti yang terdapat di dalam surat-surat, jurnal, bahan-bahan kenangan (memoir), laporan-laporan dan sebagainya. Kumpulan data *verbal* yang berbentuk tulisan ini disebut sebagai dokumen<sup>12</sup>.

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, 51.

<sup>9</sup> Stephen Isaac dan William B. Michael, *Handbook In Research And Evaluation* (San Diego: Edits Publishers, 1990), 2.

<sup>10</sup> Sidek Mohd Noh, *Reka Bentuk : Falsafah, Teori dan Praktis* (Selangor: University Putra Malaysia, 2002), 42.

<sup>11</sup> Verbal, adj. of or for words, bermakna kata-kata. *Lihat Kamus Inggeris Melayu Dewan*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 1845.

<sup>12</sup> Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, cet. ke-10 (Jakarta: P.T. Granada, Pustaka Utama, 1991), 46.



Penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap objek-objek penelitian di beberapa perpustakaan dengan tujuan untuk mendapatkan data-data penelitian dalam bentuk dokumen-dokumen yang berautoriti seperti manuskrip, fail rekod dan sebagainya.<sup>13</sup> Data-data tersebut diperolehi melalui buku, jurnal, ensiklopedia dan seumpamanya, sama ada dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab. Penulis mendapatkan data-data berkenaan daripada beberapa perpustakaan. Antara perpustakaan yang terlibat adalah:

- a. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- c. Perpustakaan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan.
- d. Perpustakaan Awam Kuantan
- e. Perpustakaan Maahad Tahfiz al-Qur'an, Kuantan

Selanjutnya dalam melakukan kajian perpustakaan, penulis menggunakan dua metode iaitu metode historis dan metode dokumentasi.

#### **i. Metode Historis.**

Historis adalah sejarah yang bererti “ilmu tentang perubahan manusia dan masyarakat”<sup>14</sup>. Metode historis juga bererti suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian<sup>15</sup>. Ia digunakan bagi meneliti dan menganalisa segala fakta berunsurkan sejarah yang didapati.<sup>16</sup> Meskipun pengkaji tidak mengalaminya sendiri secara langsung, namun pengkaji berusaha meneliti fakta-fakta

---

<sup>13</sup> Idris Awang, *Buku Panduan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 15.

<sup>14</sup> Imam Barnadib, *op. cit.*, 51

<sup>15</sup> *Ibid.*, 52.

<sup>16</sup> Stephen Isaac dan William B. Michael, *Handbook In Research And Evaluation* (San Diego: Edits Publishers, 1990), 46.

yang benar dan tepat. Pengkaji berhati-hati dalam menganalisis sejarah agar ia benar-benar sah dan dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pengkaji dapat mengumpulkan keseluruhan fakta sejarah yang berkaitan disebabkan masa dan keadaan yang tidak mengizinkan. Pengkaji menggunakan metode ini dalam usaha mendapatkan data tentang:

Latar belakang masalah, mengenai kedudukan tempat kajian pengkaji iaitu FELDA Bukit Goh di negeri Pahang. Sejarah awal pembukaan FELDA Bukit Goh, struktur pentadbiran, jumlah penduduk dan perkara yang berkaitan dengannya.

## **ii. Metode Dokumentasi.**

Metode dokumentasi bererti melihat dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang diselidiki. Dokumen pula bermaksud benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan.<sup>17</sup> Metode ini dipraktikkan di dalam mengumpul dan mengamati segala alatan bertulis atau bergambar yang bertaraf dokumentasi seperti lukisan, diari, fail-fail dan sebagainya yang *relevan* dengan kajian.<sup>18</sup> Metode ini dipraktikkan di dalam mengumpul dan mengamati segala bahan bertulis atau bergambar yang bertaraf dokumentasi seperti buku-buku, tesis-tesis, majalah-majalah, jurnal-jurnal dan sebagainya yang *relevan* dengan kajian. Setelah melakukan kajian dan penyelidikan, pengkaji mengolah, membuat perbandingan dan seterusnya membuat kesimpulan daripada data-data yang dikumpul. Dalam konteks kajian ini, metode dokumentasi dilaksanakan bagi mencari maklumat yang bersesuaian untuk membina kerangka teoritikal dan menjawab objektif pertama kajian ini. Oleh itu, pengkaji juga mengkaji segala bentuk dokumen sama ada berbentuk buku-buku, ensiklopedia, kamus,

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, 55.

<sup>18</sup> Abdul Halim bin Hj. Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Metodologi* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 1997), 56.

internet dan sebagainya yang relevan dengan tajuk kajian ini. Setelah melakukan kajian dan penyelidikan, pengkaji mengolah, membuat perbandingan dan seterusnya kesimpulan. Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data-data untuk:

- i. Mengkaji latar belakang masalah, (*Pendahuluan*)
- ii. Mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan tempat kajian, (*Pendahuluan*)
- iii. Menghuraikan konsep-konsep dan teoritikal mengenai pengajian al-Qur'an di Malaysia, (*Bab Pertama*)
- iv. Menghuraikan maklumat-maklumat berkaitan Felda Bukit Goh, (*Bab Kedua*)
- v. Menghuraikan pakej pengajian al-Qur'an di Felda Bukit Goh dan kepentingan pengajian al-Qur'an dalam meningkatkan ilmu, (*Bab Ketiga*)
- vi. Mengkaji metode kajian yang sesuai bagi mendapatkan data-data kajian, (*Bab keempat*)
- vii. Mendapatkan data untuk penilaian dan analisis, (*Bab Keempat*)
- viii. Membuat kesimpulan dan saranan, (*Bab Kelima*)

## **2. Penyelidikan Lapangan**

Kajian lapangan dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan fakta mengenai pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang iaitu fokus terhadap kelas al-Qur'an daripada responden. Pendekatan metode ini adalah cara untuk mendapatkan keterangan dari responden dan bercakap-cakap secara langsung berhadapan dengan muka orang itu. Metode ini memerlukan komunikasi secara langsung antara penyelidik dengan subjek atau sampel.<sup>19</sup> Di dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan dua metode penyelidikan iaitu:

---

<sup>19</sup> Winargo Surachmad, *Dasar dan Teknik Research: Pengantar Metododologi Ilmiah* (Bandung: C.V. Tarsito, 1970), 168.

## **i. Metode Temu Bual**

Menurut Mohd Majid Konteng (2004), pengumpulan data secara temu bual sesuai digunakan untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak daripada unit kajian. Meskipun perbelanjaannya lebih tinggi.<sup>20</sup> Temubual atau wawancara ialah salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data dan fakta dengan menemu bual beberapa individu-individu tertentu. Ia bertujuan untuk mengumpulkan keterangan tentang kehidupan, permasalahan dan keadaan golongan ini dalam suatu masyarakat serta pendirian-pendirian mereka. Penggunaan teknik temu bual membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung daripada responden kajian sendiri.<sup>21</sup>

Pada peringkat awal, pengkaji telah menemu bual beberapa pihak tertentu antaranya ahli jawatankuasa masjid dan surau, imam dan bilal masjid serta surau, para guru yang mengajar kelas al-Qur'an, pengurus FELDA Bukit Goh, penyelia dan beberapa orang responden yang dipilih oleh pengkaji sebagai golongan sasaran. Metode temu bual juga dijalankan ke atas beberapa orang sumber responden yang berautoriti dalam mengumpulkan keterangan tentang kehidupan, permasalahan dan keadaan golongan ini. Mereka terdiri daripada:

- a. Tuan Haji Hamdan Yusi bin Yusof iaitu Kadi Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.
- b. Tuan Haji Sarafuddin Aisa bin Haji Osman iaitu Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

---

<sup>20</sup> Mohd Majid Konteng (2004) *op. cit.*, 21.

<sup>21</sup> Marohaini Yusof, *Pengutipan dan Pengumpulan Data perlakuan dan Proses Manulis Karangan dalam Bilik Darjah*, dalam *Penyelidikan Kualitatif: pengalaman Kerja Lapangan*, ed. Marohaini (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 109.

- c. YH. Dato' Hj. Zulkifli bin Hj. Ali al-Hafiz selaku Pengarah Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP)
- d. Tuan Haji Muhd Amin bin Abdul Razak iaitu Imam 1 Masjid FELDA Bukit Goh, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Berdasarkan latar belakang, kepakaran, bidang dan pengalaman yang dimiliki oleh para informen di atas, pengkaji merasakan mereka adalah individu yang layak ditemubual untuk tujuan kajian ini. Maklumat yang mereka berikan adalah sah dan boleh dipertanggungjawabkan.

## **ii. Metode Pengamatan/Pemerhatian**

Metode pemerhatian ialah cara pengumpulan data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Metode ini digunakan bagi tujuan memperkuat sesuatu dapatan atau fakta.<sup>22</sup> Ia digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang kajian yang dibuat. Menurut Suseela Malakolunthu, pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Ini disebabkan temu bual hanya merupakan pengumpulan laporan sendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang penyelidikan untuk membuat trigulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian.<sup>23</sup>

Dalam kajian ini, pengkaji telah turut serta dalam beberapa kumpulan kelas al-Qur'an yang diadakan di masjid dan surau selaku pendengar dan pemerhati kepada

---

<sup>22</sup> William G. Zikmund, *Research Methods*, ed. ke-3 (Philadelphia: The Dryden Press, 1991), 142-145.

<sup>23</sup> Suseela Malakolunthu. "Pengumpulan dan Analisis data Kualitatif: Satu Imbasan". Dalam *Penyelidikan Kualitatif: pengalaman Kerja Lapangan*, ed. Marohaini (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 126.

keadaan perjalanan kelas al-Qur'an di sekitar FELDA Bukit Goh, Kuantan. Di samping itu, pengamatan juga dilakukan ketika pengkaji berperanan sebagai tenaga pengajar jemputan dalam kelas al-Qur'an yang diadakan di masjid FELDA Bukit Goh.

## **DATA DAN ANALISIS KAJIAN**

Kajian ini terbatas kepada masyarakat FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Seramai 100 orang responden terpilih sebagai sampel yang terdiri daripada golongan Peneroka dan pegawai FELDA. Sebanyak lapan buah kelas al-Qur'an di sini dipilih oleh penulis sebagai sampel kajian dengan mengikut kategori lokasi iaitu sebuah masjid, lima buah surau dan dua buah rumah berdasarkan responden yang mengikuti kelas al-Qur'an di lokasi-lokasi tersebut.

Data-data primer yang diperolehi daripada soal selidik dan soalan kefahaman akan dijumlahkan dan dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) Versi 17.0. Data-data kuantitatif ini akan diteliti dan diperatuskan bagi mendapat gambaran menyeluruh berkenaan kecenderungan responden terhadap sesuatu item. Hasil kajian akan dibentangkan dalam bentuk jadual dan huraian. Jadual-jadual ini akan mengandungi item, skor, kekerapan, peratus dan min yang diperolehi hasil maklum balas responden.

Dapatan kajian akan dapat dilihat melalui kekerapan dan peratus responden memilih jawapan serta melalui min yang diperolehi. Dengan kebanyakan item soal selidik menggunakan Skala Likert, nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan, dipuratakan seterusnya menghasilkan min dan dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai.

Skala Likert merupakan skala ordinal, analisis perbezaan antara kumpulan-kumpulan responden boleh dilakukan dengan menggunakan ujian bukan parametric

seperti ujian Khi Kuasa Dua, analisis korelasi boleh menggunakan Spearman  $r$ , manakala analisis deskriptif boleh menggunakan frekuensi dan peratusan.<sup>24</sup>

Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan keadaan yang dikaji. Sumber sekunder ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji.<sup>25</sup>

Proses Penganalisan dilakukan terhadap semua maklumat dan data-data yang telah terkumpul. Untuk mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang lazim digunakan iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif. Metode-metode ini digunakan oleh pengkaji di dalam bab-bab tertentu di dalam kajian ini.

## **1. Metode Induktif**

Metode induktif bermaksud suatu cara menganalisis data melalui pola pemikiran bagi mencari bukti-bukti dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.<sup>26</sup> Pengkaji menganalisis dengan menghalusi setiap fakta dan selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global.<sup>27</sup> Penggunaan metode ini dibuat dalam :

- i. Bab pertama, metode menghuraikan konsep-konsep dan teoritikal mengenai sejarah pengajian al-Qur'an di Malaysia serta kaedah pengajian al-Qur'an di Malaysia dan kemudiannya membuat kesimpulan umum.

---

<sup>24</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2006), 240.

<sup>25</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publication, 2001), 62.

<sup>26</sup> Idris Awang (2001), *op.cit.*, 75.

<sup>27</sup> Mohd Majid Konteng (2004), *op.cit.*, 75.

- ii. Bab kedua, dalam bab ini metode menghuraikan konsep-konsep dan teoritikal mengenai sejarah tempat yang dikaji, populasi penduduk, sosio-ekonomi dan budaya sebelum pengkaji membuat kesimpulan umum.
- iii. Bab ketiga, dalam bab ini metode menghuraikan aktiviti pengajian al-Qur'an dan kaedah pengajian al-Qur'an serta kepentingannya kepada masyarakat FELDA Bukit Goh. Metode ini juga digunakan untuk mendapatkan data-data guru dan pelajar kelas al-Qur'an sebelum membuat kesimpulan umum.
- iv. Bab keempat, metode ini digunakan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar, kaedah atau bentuk pengajian yang dilalui oleh masyarakat FELDA dan sejauh mana kalangan masyarakat FELDA menguasai al-Qur'an di kelas al-Qur'an. Pengkaji membuat analisis terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar kelas al-Qur'an serta membuat kesimpulan umum.
- v. Bab kelima, ketika membuat kesimpulan secara umum dan saranan kepada pihak-pihak tertentu.

## **2. Metode deduktif**

Iaitu pengolahan data berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian terhadap perkara yang bersifat khusus menerusi dalil-dalil yang berbentuk umum. Pengkaji mengambil atau mengutip fakta dan maklumat yang umum, kemudian memperincikan dan memecahkannya satu persatu, sehingga data itu mencapai tahap yang tuntas dan terperinci berdasarkan kemampuan pengkaji sendiri.<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> Idris Awang (2001), *op.cit.*, 52.



Metode ini digunakan secara meluas ketika pengkaji menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objek penelitian pengkaji. Metode ini digunakan dalam setiap bab kajian ini.

### **3. Metode Komparatif**

Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian sumber yang berbeza dengan penumpuan (fokus) terhadap tema tumpuan.<sup>29</sup> Pengkaji menggunakan metode ini dalam membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Perbandingan ini dibuat berdasarkan analogi, kekuatan hujah dan kefahaman yang dimiliki oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan metode ini untuk menganalisis beberapa aspek dalam:

- a) Bab pertama – Menghuraikan konsep-konsep dan teoritikal mengenai sejarah pengajian al-Qur'an di Malaysia, kaedah-kaedah pengajian al-Qur'an di Malaysia, kemudiannya membuat kesimpulan umum.
- b) Bab kedua – Metode kajian dalam membincangkan mengenai sejarah FELDA Bukit Goh, latar belakang penduduk, pekerjaan dan aktiviti kemasyarakatan.
- c) Bab ketiga – Digunakan untuk membincangkan mengenai aktiviti kelas pengajian al-Qur'an serta kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an di FELDA Bukit Goh dari sudut kepentingan dan pelaksanaannya di dalam kelas pengajian al-Qur'an.

---

<sup>29</sup> Gerald S. Ferman & Jade Levin, *Social Sciences Research* (Amerika Syarikat: John Wisley & Sons, 1975), 79.

- d) Bab keempat – Analisis dan penilaian, sebagai contoh pengkaji mengambil pandangan tokoh-tokoh tertentu sebagai justifikasi ketika membuat perbandingan mengenai pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA di FELDA Bukit Goh di daerah Kuantan.
- e) Bab kelima – Membuat kesimpulan secara umum dan saranan kepada pihak-pihak tertentu.

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik diproses menggunakan perisian system computer iaitu '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS) versi 17.0. Setelah itu, data dianalisis menggunakan kaedah analisis statistik *deskriptif* untuk menganalisis taburan kekerapan, peratusan, bilangan sampel, jantina dan sebagainya berdasarkan soalan-soalan dari borang soal selidik. Data-data yang diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian juga dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong data soal selidik. Semua maklumat yang diperolehi daripada soal selidik adalah bertujuan untuk membantu penyelidik mendapat data sokongan bagi membolehkannya mendiskripsi penemuan secara berkesan.

## **SISTEMATIKA PENULISAN**

Penulisan ini dibahagikan kepada lima bab yang berasingan. Setiap bab dipersembahkan dengan gaya dan cara yang tersendiri. Ia perlu dilakukan dengan kemas dan tersusun bagi mengoptimimumkan penyampaian maklumat kepada para pembaca. Huraian setiap bab adalah seperti berikut;

## **Bab Pendahuluan**

Dalam bab ini penulis menghuraikan tajuk-tajuk kecil bermula dari latar belakang masalah, masalah kajian, kepentingan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, hipotesis kajian, pengertian tajuk, tinjauan kajian lepas dan sistematika penulisan.

## **Bab Satu**

Bab satu membincangkan tentang kaedah pengajian al-Qur'an di Malaysia, dalam bab ini terdapat tajuk-tajuk kecil iaitu pengenalan, sejarah pengajian al-Qur'an di Malaysia, kepelbagaian kaedah pengajian al-Qur'an di Malaysia dan pembahagiannya, tokoh ulama dalam pengajian al-Qur'an di Malaysia, pengajian al-Qur'an masa kini dan kesimpulan.

## **Bab Dua**

Bab dua membincangkan tentang pengenalan FELDA Bukit Goh. Dalam bab ini terdapat tajuk-tajuk kecil iaitu pengenalan, latar belakang FELDA Bukit Goh, pengeluaran hasil tanaman kelapa sawit, carta organisasi, populasi penduduk serta tajuk-tajuk kecil dan kesimpulan.

## **Bab Tiga**

Bab tiga membincangkan tentang aktiviti dan kaedah pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh. Dalam bab ini terdapat tajuk-tajuk kecil iaitu pengenalan, aktiviti pengajian al-Qur'an dan pembahagiannya, kaedah pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh serta pembahagiannya dan kesimpulan.

## **Bab Empat**

Bab empat membincangkan tentang laporan penyelidikan dan analisis data. Dalam bab ini pengkaji kemukakan laporan penyelidikan dan analisis data di bawah tajuk-tajuk kecil iaitu; pendahuluan, latar belakang responden, taraf pendidikan, pendidikan awal mengaji al-Qur'an, sistem pengajian dan pengajaran al-Qur'an, masalah yang dihadapi guru dan pelajar, usaha penambahbaikan, pandangan dan saranan guru, ketua Blok dan pengurus terhadap kelas-kelas al-Qur'an yang diadakan di FELDA dan kesimpulan.

## **Bab Lima**

Bab lima membincangkan tentang kesimpulan dan cadangan. Setelah keseluruhan isi kandungan tesis ini dibincang dengan terperinci dan teliti, maka pengkaji membuat rumusan akhir di dalam bab lima sebagai kesimpulan dan penutup. Pengkaji akan membuat beberapa konklusi terhadap sistem pengajian yang melibatkan bacaan al-Qur'an yang berkesan. Sehubungan itu, pengkaji juga akan memuatkan beberapa saranan yang difikirkan perlu untuk diambil perhatian dan tindakan di dalam memberi penjelasan kepada masyarakat tentang pentingnya ilmu al-Qur'an dalam mendasari segenap ceruk kehidupan kerana kita tidak mahu dilabel sebagai orang yang jahil dalam agamanya sendiri dan menjadi punca kerosakan akhlak dalam kalangan umat Islam.

## **Rujukan**

Bahagian rujukan menyenaraikan bahan-bahan yang dirujuk dalam teks. Bahan-bahan tersebut termasuk buku, jurnal, majalah, prosiding, tesis, disertasi, laporan kajian dan media elektronik.

## DEFINISI TAJUK

Sebelum kajian ini dilanjutkan, pengkaji akan menerangkan beberapa istilah penting yang membentuk tajuk kajian ini. Kajian ini mengkaji mengenai ***“Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajian al-Qur’an Dalam Kalangan Masyarakat FELDA: Kajian di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang”***.

Menurut Kamus Dewan, perkataan **“Pelaksanaan”** berasal dari kata dasar “Laksana” yang membawa maksud; menjalankan tugas atau rancangan. Manakala perkataan “Pelaksanaan” adalah kata nama terbitan yang bermaksud; perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan, menjalankan) sesuatu.<sup>30</sup> Manakala perkataan **“Keberkesanan”** berasal dari kata dasar “Kesan” yang membawa maksud; tanda, bekas, jejak atau hasil. “Keberkesanan” adalah kata nama terbitan yang bermaksud kejayaan atau kemajuan<sup>31</sup>. Perkataan **“Kaedah”** pula membawa erti cara, aturan, sistem atau metode.<sup>32</sup> Merujuk Kamus Dewan, perkataan **“Pengajian”** berasal dari kata dasar “Kaji” yang bermaksud selidik, teliti, dalami, siasat dan taksir. “Pengajian” pula adalah kata nama terbitan yang membawa maksud; pembelajaran, penyelidikan, menuntut atau belajar<sup>33</sup>.

Perkataan **“Al-Qur’an”** merujuk kepada “Kitab Allah” yang merupakan satu mukjizat yang khusus diturunkan oleh Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w) melalui perantaraan Jibrīl (a.s). Ia ditulis dan segera dihafaz oleh orang Muslimin di dalam hati mereka. Surah-surahnya telah disusun dengan arahan daripada Rasulullah (s.a.w) sendiri dan dikumpulkan selepas kewafatan baginda.<sup>34</sup>

---

<sup>30</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, cet. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 35.

<sup>31</sup> *Ibid.*, 52.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 75.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 60.

<sup>34</sup> Ali Abdul Hamid Abu al-Khair, *Al-Qur’an dan Sains Moden* (Johor: Penerbitan Jahabersa, 2004), 48.

Perkataan “**Kalangan**” membawa maksud; kelompok orang atau kelompok bangsa tertentu (golongan atau lingkungan).<sup>35</sup> Perkataan “**Masyarakat**” memberi maksud; umat manusia, kelompok manusia, komuniti, bangsa, kaum, kumpulan etnik atau penduduk<sup>36</sup>. Manakala “**FELDA**” pula merupakan singkatan kepada *Federal Land Development Authority* yang bermaksud “*Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan*”. Ia ditubuhkan pada 1 Julai 1956 dan tujuan penubuhannya adalah untuk membangunkan tanah dan menempatkan penduduk di kawasan yang baru diteroka<sup>37</sup>.

## **KAJIAN LITERATUR**

Tujuan utama kajian literatur ialah untuk meletakkan kajian yang dijalankan pada perspektif saintifik. Ia meletakkan kajian pengkaji ke dalam lautan pengetahuan, seterusnya membantu penulis untuk menghubungkan-kaitkan kajiannya dengan badan pengetahuan (*body of knowledge*).<sup>38</sup> Dalam tinjauan yang dilakukan, pengkaji tidak menemui kajian terdahulu mengenai pengajian al-Qur’an dalam kalangan masyarakat FELDA dari sudut kaedah dan pelaksanaan. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat disumbangkan untuk manfaat kepada para guru al-Qur’an berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya di FELDA atau disebut juga Tanah Rancangan.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada berkesan atau tidak kaedah pengajian yang digunakan melalui soal selidik dan soalan ujian kefahaman. Seterusnya kajian ini cuba membuktikan sama ada boleh atau tidak masyarakat FELDA menguasai al-Qur’an setelah mengikuti kelas al-Qur’an yang diadakan di tempat mereka. Namun

---

<sup>35</sup> Kamus Dewan (1995), *op.cit.*, 42

<sup>36</sup> *Ibid.*, 73.

<sup>37</sup> Majalah Peneroka, bil. ke-2 (Kuala Lumpur: FELDA Publisher, 2011), 6.

<sup>38</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd, 2006), 35.

begitu, pengkaji mendapati beberapa kajian telah dibuat dalam bidang yang hampir sama mengenai kelas al-Qur'an kepada lapisan masyarakat. pengkaji akan meneliti kajian-kajian yang telah dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Melalui kajian-kajian yang berkaitan, pengkaji boleh mendapatkan kaedah dan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan masalah, kaedah-kaedah kajian serta keberkesanannya dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang boleh dikenal pasti.

Pengkaji telah menemui beberapa kajian yang berkaitan dengan al-Qur'an. Umumnya kajian tersebut lebih tertumpu kepada kaedah dan permasalahan mengajar al-Qur'an dalam kalangan umat Islam yang meliputi semua peringkat umur sama ada di sekolah kerajaan atau swasta mahupun pembelajaran tidak formal yang melibatkan institusi lain seperti masjid, surau dan kelas-kelas di rumah.

Antara kajian tersebut ialah kajian yang berkaitan dengan pendidikan al-Qur'an dalam modenisasi pendidikan negara ialah kajian yang bertajuk "*Institusi Pendidikan Al-Qur'an: Suatu kajian terhadap usaha-usaha Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Pendidikan Al-Qur'an*". Pengkajian ini dilakukan oleh Mohd Yusof Ahmad calon Doktor falsafah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Sinopsis kajiannya menerangkan usaha-usaha Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dalam pendidikan al-Qur'an. Beliau juga menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang penglibatan guru dalam pengajaran pendidikan al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Hulu Langat.

Kajian kedua oleh Abdullah bin Mohammad, sarjana Usuluddin di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya berkenaan dengan tajwid. Kajian beliau bertajuk "*Kemahiran Ilmu Tajwid dalam Kalangan Pelajar: Kajian di Maktab Perguruan Besut, Terengganu*". Di bahagian analisis, banyak dapatan kajian yang telah dianalisis seperti kemahiran terhadap menghafaz huruf hijāiyyah, membaca kalimah, potongan ayat dan

surah. Selain itu pengkaji juga menganalisis kemahiran pelajar dalam hukum Iqlab, Ikhfa', Izhār, Idghām Bi Ghunnah dan Idghām Bilā Ghunnah. Pada kesimpulannya masih terdapat masalah terhadap kemahiran pelajar dalam pelajaran tajwid.

Kajian ketiga yang berkenaan dengan pembacaan al-Qur'an dalam kalangan pelajar ialah kajian yang bertajuk "*Keupayaan Bacaan al-Qur'an di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu*". Pengkajian ini dilakukan oleh Saidi bin Mohd, calon Doktor falsafah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Sinopsis kajiannya menerangkan mengenai usaha-usaha mengenal pasti tahap keupayaan bacaan al-Qur'an terhadap kelompok pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. Beliau juga menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang tahap keupayaan bacaan al-Qur'an dalam kalangan pelajar.

Manakala kajian keempat ialah kajian Nurul Amali binti Mohd Shamsudin (2004) dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, telah membuat kajian *Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Qur'an di Sekolah Menengah Agama Negeri*. Disertasi ini dikemukakan untuk Ijazah Sarjana Pendidikan. Dalam kajiannya beliau telah mengkaji tentang pelaksanaan pengajaran tilawah al-Qur'an.

Kajian kelima adalah satu kajian secara khusus meneliti perkembangan al-Qur'an di Kelantan dengan menumpukan kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam sistem pengurusan Yayasan Islam Kelantan. Kajian yang dimaksudkan bertajuk *Pengajian Al-Qur'an di Kelantan: Tumpuan Kepada Sekolah-Sekolah Yayasan Islam Kelantan* oleh Noraini binti Mohd Zain (2006) seorang pelajar sarjana Usuluddin di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Penyelidikan tersebut memaparkan tentang persepsi pelajar yang menjelaskan tentang minat dan kebolehan, faktor yang mendorong minat pelajar dan tahap kemahiran pelajar dalam proses pengajian al-Qur'an. Manakala melalui perspektif guru, beliau menganalisis sukatan pelajaran yang



digunakan semasa mengajar, corak pengajaran dan sambutan pelajar. Menurutnya, sambutan pelajar kurang memuaskan akibat dari rendahnya tahap penguasaan bahasa Arab.

Manakala Seminar Pusat Pendidikan Islam UITM Shah Alam sesi Januari ditulis oleh Prof. Madya Maznah binti Daud (2004) iaitu pensyarah Pusat Pendidikan Islam UITM yang bertajuk Tabiat Membaca Al-Qur'an di Kalangan Mahasiswa. Hasil kajian ini mendapati majoriti remaja hari ini mempunyai latar belakang pengajian al-Qur'an dan tahu membacanya, bahkan tahap kebolehan membaca dengan tajwid yang betul sangat tidak memuaskan. Kebanyakan tidak menjadikan ibadah membaca al-Qur'an sebagai satu budaya. Malah masih ramai ibu dan bapa yang mengambil berat tentang pengajian al-Qur'an anak-anak mereka, namun hal ini hanya terumpu sekadar mengaji sahaja tetapi tidak kepada mendalami hukum hakam cara bacaan yang betul dan memahami tuntutan serta menghayati ajarannya.

Sepanjang kajian dan penelitian ini dibuat, pengkaji tidak menemui sebarang kajian mahupun karya yang menyamai tajuk sepertimana dalam kajian ini.